



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 7 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	<p>PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN JAMIN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA, ASTRO AWANI -ONLINE</p> <p>KUASA MENTERI LANTIK LEMBAGA PENGARAH AGENSI MAFI DALAM PROSES PEMBATALAN - RONALD, ASTRO AWANI -ONLINE</p> <p>LONJAK EKONOMI PELADANG, NASIONAL, SH -15</p> <p>MAHA 2020 DITERUSKAN DENGAN SOP KETAT, NEGARA, KOSMO -6</p> <p>MAHA 2020 DIADAKAN SECARA HIBRID 26 HINGGA 29 NOVEMBER, NASIONAL, BH -3</p> <p>PKPP - MAHA DIJANGKA AKAN TETAP BERLANGSUNG, RTM -ONLINE</p> <p>MAHA 2020 AKAN DIADAKAN SECARA HIBRID - ISMAIL SABRI, ASTRO AWANI -ONLINE</p> <p>PENGANJURAN MAHA 2020 SECARA HYBRID, BH -ONLINE</p> <p>PENGANJURAN MAHA 2020 DIBENARKAN, HM -ONLINE</p> <p>MAHA 2020 DIADAKAN SECARA FIZIKAL & MAYA, BERNAMA -ONLINE</p>	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
11. 12. 13. 14. 15. 16.	<p>LPP TERIMA PERUNTUKAN RM62 JUTA LIBATKAN LPP, MADA, KADA DAN DOA SARAWAK, UTUSAN BORNEO -ONLINE</p> <p>RM62 MILLION TO HELP FARMERS AFFECTED BY COVID-19 -KIANDEE, HOME, BORNEO POST (KK) -7</p> <p>RM62M ALLOCATED TO HELP FARMERS AFFECTED BY COVID-19, SAYS MINISTER, MALAY MAIL -ONLINE</p> <p>CABARAN KEMENTERIAN DALAM MERUBAH REALITI, SH -ONLINE</p> <p>MODERNISING AGRICULTURE, NEWS, THE MALAYSIAN RESERVE -1</p> <p>MENTERI KEMBALIKAN KUASA PILIH KEPEPIMPINAN KEPADA AHLI, NASIONAL, BH -8</p>	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
17. 18.	<p>DAGING KERBAU RM436,000 DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -17</p> <p>MAQIS PULAU PINANG RAMPAS DAGING KERBAU DARI INDIA, SINAR NEGERI PERAK/SELANGOR/KL/P.PINANG, SH -28</p>	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
19. 20. 21. 22. 23.	<p>STOK BERAS NEGARA MENCUKUPI, PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT, SH -8</p> <p>STOK BERAS NEGARA MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -7</p> <p>IDEAS: LIBERALISE RICE SECTOR IF BERNAS CONCESSION EXTENDED, FOLLOW ON TWITTER, THE SUN -10</p> <p>GOVT'S DECISION ON BERNAS EXTENSION CONSIDERS IMPACTS ON MALAYSIA'S FOOD CHAIN, NEWS, THE MALAYSIAN RESERVE -5</p> <p>STOK BERAS NEGARA MELEBIHI KEPERLUAN BULANAN, BH -ONLINE</p>	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
24. 25. 26. 27. 28.	<p>PASANGAN GURU CEBURI PERTANIAN FERTIGASI, DALAM NEGERI, UM -43</p> <p>FUNDS FOR STUDY ON BOX JELLYFISH BLOOM, EVENTS, THE STAR -8</p> <p>PERTAHAN LAUT SELAGI MAMPU, DALAM NEGERI, UM -29</p> <p>NGO, NELAYAN TUNTUT KOMITMEN BATAL PSR, DALAM NEGERI, UM -29</p> <p>LANGKAH BENDUNG GELOMBANG BAHARU COVID-19, TUMPUAN DEWAN RAKYAT HARI INI, BH -ONLINE</p>	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Pertanian, penternakan dan perikanan jamin pertumbuhan ekonomi negara



Peladang, penternak dan nelayan mampu menjadi penyumbang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ia sekali gus memastikan rakyat dalam negara memperolehi makanan melalui sektor berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Kuasa menteri lantik lembaga pengarah agensi MAFI dalam proses pembatalan - Ronald



Jelas Ronald, peningkatan pengeluaran makanan dalam negara boleh mengurangkan imbalan dagangan negara. - Foto Astro AWANI/SHAHIR OMAR

KUALA LUMPUR: Pemberian kuasa kepada menteri untuk melantik Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kini dalam proses pindaan bagi maksud pembatalan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ia sebahagian daripada usaha untuk memperkasakan peranan pertubuhan peladang di bawah Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2019 yang diwartakan pada 22

April dan berkuatkuasa pada 1 Mei 2019 lepas.

"Saya berpendapat bahawa kuasa memilih kepimpinan hendaklah dikembalikan kepada ahli peladang sendiri.

"Pindaan ini akan dikuatkuasakan pada tahun pemilihan yang akan datang iaitu pada tahun 2021 yang mana mengembalikan kuasa memilih kepimpinan peladang diserahkan kembali kepada ahli peladang sendiri seperti mana peraturan yang terdahulu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di sini, pada Khamis.

Turut diadakan penyerahan peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) LPP 2020.

Dalam pada itu jelas Ronald, peningkatan pengeluaran makanan dalam negara mampu membantu mengurangkan imbalan dagangan negara.

Katanya, pendekatan ke hadapan dalam meningkatkan pengeluaran makanan adalah melalui penggunaan teknologi dan mekanisasi pertanian.

"Saya juga berharap lebih banyak kejayaan para peladang, penternak dan nelayan dicapai agar ianya mampu menarik minat golongan muda untuk turut sama menceburi bidang ini.

"Penglibatan golongan muda juga perlu dipertingkatkan agar sektor pertanian ini akan lebih ke hadapan dan mampu melangkah dengan lebih jauh," katanya lagi.

Ujarnya, ia mampu melipatgandakan pengeluaran dengan meningkatkan kecakapan dan keberkesanan setiap projek pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

LPP terima peruntukan RM62 juta libatkan LPP, MADA, KADA dan DOA Sarawak



AMANAT: Ronald berucap pada Majlis Sambutan Hari Peladang, Penternak & Nelayan di Menara LPP, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR: Pandemi COVID-19 juga telah merubah kehidupan semua orang termasuk warga peladang, penternak dan nelayan.

Demi membantu masyarakat peladang, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah menerima peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) berjumlah RM62 juta melibatkan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM190 juta kepada MAFI untuk disalurkan kepada pelbagai agensi

dan jabatan di bawah MAFI termasuk LPP untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan program yang akan memberi impak kepada golongan sasaran.

"Dalam pakej PRIHATIN tersebut, sebanyak RM62 juta telah diluluskan khas kepada peladang dan pertubuhan peladang.

"Dana khas pertubuhan peladang telah diluluskan berjumlah RM50 juta. Ini memberi peluang kepada pertubuhan peladang yang menerima antara RM100,000 hingga RM200,000 untuk meneruskan program agromakanan jangka pendek yang dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga hingga enam bulan.

"Sebanyak 224 pertubuhan peladang menerima dana khas ini untuk melaksanakan projek jangka pendek (Cash Crop), tanaman sayu-ran/kontan seperti projek tanaman secara fertigasi, konvensional, ternakan ayam kampung, ruminan dan ternak air.

"Pada masa sama, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi menyediakan kemudahan infrastruktur tempat pe-nyimpanan dan pengagihan makanan serta program integrasi tanaman, khas buat pertubuhan peladang.

"Inisiatif ini bertujuan memastikan rantaian nilai bekalan makanan diperkemaskan agar ia lebih efisien dan peruntukan sebanyak RM2 juta telah diluluskan kepada pertubuhan peladang untuk meningkatkan usia guna jentera-jentera pertanian seperti traktor dan jentuai," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Peladang, Penternak & Nelayan di Menara LPP, Kuala Lumpur semalam.

Bantuan daripada kerajaan ini memberikan impak yang begitu besar kepada LPP, MADA, KADA dan Jabatan Pertanian Sarawak.

Mengikut konteks Lembaga Pertubuhan Peladang, program ini adalah melibatkan 224 pertubuhan peladang dan secara langsung hampir 2,000 ahli peladang yang menerima manfaat daripada pelaksanaan projek individu.

Keseluruhan projek yang dilaksanakan adalah sebanyak 462 projek agromakanan yang disasarkan mengeluarkan hasil sebanyak 9,639.61 tan metrik dengan nilai RM45.314 juta.

Selain itu, ia juga boleh menjadi sumber hasil pengeluaran yang dapat dipasarkan oleh 182 pusat pengumpulan hasil pertanian sedia ada.

Selain itu, kerajaan turut membantu masyarakat peladang dengan memberi peruntukan bagi Program Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan berjumlah RM10 juta kepada 54 pertubuhan peladang di seluruh negara di bawah pengendalian LPP.

Pertubuhan peladang ini akan dinaik taraf dengan kelengkapan pemasaran bertujuan me-ningkatkan kapasiti jualan bagi memenuhi pengeluaran hasil yang dikeluarkan ahli peladang dan meluaskan ruang pasaran produk pertanian.

Program ini akan dilaksanakan oleh 54 pertubuhan peladang di mana pertubuhan peladang tersebut telah mempunyai 50 Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) dan empat Agrobazar bagi membantu pemasaran hasil dan produk keluaran pertubuhan peladang.

Sasaran sebanyak 138,769 tan metrik hasil keluaran dapat ditingkatkan. Impak kepada program ini adalah dapat memberi manfaat kepada 17,346 orang.

Pada masa sama, dana ini adalah demi kelangsungan pergerakan pertubuhan peladang dan ahli peladang.

Headline	RM62 million to help farmers affected by Covid-19 - Kiandee		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	07 Aug 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	7	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	92 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 256
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 769



RM62 million to help farmers affected by Covid-19 – Kiandee

KUALA LUMPUR: A total of RM62 million has been allocated to farmers' organisations through the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (Prihatin) to help its members affected by the Covid-19 outbreak.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said that of the total, RM50 million was allocated for short-term agrofood programmes (start producing in three to six months) with each area farmers' organisation (PPK) receiving between RM100,000 to RM200,000.

"A total of 224 farmers' organisations received this special fund to implement the cash crops projects, among others, planting vegetable using

fertigation method, livestock farming and aquaculture," he said.

He said this when officiating the National Farmers, Livestock Breeders and Fishermen Day as well as the handing over the economic stimulus package allocation at Menara LPP here yesterday.

Kiandee said that another RM10 million was allocated for infrastructure facilities for food storage and distribution purposes as well as crop integration programmes to ensure the food supply value chain is streamlined more efficiently.

Another RM2 million is also allocated to increase the use of agricultural machinery including tractors and harvester, he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	MALAY MAIL	ONLINE	

RM62m allocated to help farmers affected by Covid-19, says minister



Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said that of the total, RM50 million was allocated for short-term agrofood programmes (start producing in three to six months) with each area farmers' organisation (PPK) receiving between RM100,000 to RM200,000. — Picture by Miera Zulyana

KUALA LUMPUR, Aug 6 — A total of RM62 million has been allocated to farmers' organisations through the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (Prihatin) to help its members affected by the Covid-19 outbreak.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said that of the total, RM50 million was allocated for short-term agrofood programmes (start producing in three to six months) with

each area farmers' organisation (PPK) receiving between RM100,000 to RM200,000.

"A total of 224 farmers' organisations received this special fund to implement the cash crops projects, among others, planting vegetable using fertigation method, livestock farming and aquaculture," he said.

He said this when officiating the National Farmers, Livestock Breeders and Fishermen Day as well as the handing over the economic stimulus package allocation at Menara LPP here today.

Kiandee said that another RM10 million was allocated for infrastructure facilities for food storage and distribution purposes as well as crop integration programmes to ensure the food supply value chain is streamlined more efficiently.

Another RM2 million is also allocated to increase the use of agricultural machinery including tractors and harvester, he said.

"All departments and agencies under the ministry including the Agriculture Department, Fisheries Department, Veterinary Services Department, Farmers' Organisation Board (LPP), Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) and Agrobank have been instructed to implement these programmes and initiatives as soon as possible to ensure that the target groups receive the benefits and the government's goals are achieved," he said.

Speaking to reporters afterwards, Kiandee expressed his confidence that the assistance channelled could stimulate and revitalise the country's agriculture and agrofood industry sectors.

"Thus far, agriculture and food supply industries are not affected but we hope the sectors can be improved through the economic stimulus package and Penjana," he said.

He also said that farmers' organisations have benefited from the fund with many have also applied for micro-credit financing. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Cabaran kementerian dalam merubah reality



TARIKH 6 Ogos setiap tahun diisytiharkan sebagai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan. Hari ini adalah hari pengiktirafan dan penghormatan kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan di seluruh negara.

Pada tahun 1975, perayaan sambutan itu dirasmikan Tun Haji Abdul Razak di pekarangan Parlimen. 6 Ogos pada tahun ini adalah tahun yang ke-45 penganjurannya.

Pengiktirafan ini membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap usaha para peladang, penternak dan nelayan memainkan peranan melonjakkan pelbagai aktiviti demi mengeluarkan bahan makanan dan memajukan sektor pertanian negara kita.

Cabaran bagi kita sekarang ialah memastikan berlakunya satu perubahan dalam sektor pertanian dan industri makanan dengan memanfaatkan teknologi pertanian dan inovasi moden demi

memastikan peladang, penternak dan nelayan meningkatkan pendapatan selain membantu menstabilkan harga barangan seterusnya mengurangkan keperluan import negara.



Bekalan makanan yang terjamin adalah penting untuk kelangsungan hidup rakyat. Kita telah melihat bagaimana negara kita berhadapan dengan krisis pandemik Covid-19. Sesungguhnya kita amat bersyukur dan bertuah kerana ketika negara lain berhadapan dengan krisis kekurangan makanan dan terputus bekalan makanan, tetapi di Malaysia stok dan bekalan makanan kita sentiasa stabil dan terjamin.

'Jerih payah mereka dihargai'

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sentiasa ke hadapan dalam memastikan sektor pertanian menjadi sektor yang lebih dinamik, inovatif, kompetitif serta menyumbang secara positif kepada ekonomi negara.

Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan industri pertanian yang lestari sebagai pemangkin kemajuan ekonomi serta

memberi kesejahteraan rakyat Malaysia.



Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, menjadi hasrat kerajaan untuk melihat aktiviti pertanian dan industri makanan diusahakan rakyat secara bersepadu, dikomersialkan dan menjadi sumber pendapatan utama sekali gus dapat meningkatkan pendapatan negara.

"Dalam sektor pertanian ini, LPP sangat menitikberatkan penggunaan teknologi di kalangan masyarakat peladang. Penggunaan teknologi menjadikan pertanian lebih mudah, meningkatkan kecekapan dan seterusnya dapat meningkatkan hasil.

"Penggunaan teknologi menjadikan bidang pertanian bukan lagi pekerjaan yang dikategorikan sebagai 3D ("Dirty, Danger & Difficult"). LPP sentiasa

menyokong penggunaan teknologi melalui galakan dan pendedahan teknologi baru.

"LPP tidak bertindak secara silo sebaliknya bekerjasama dengan jabatan dan agensi lain dengan bermatlamat para peladang mendapat input dan perkhidmatan yang terbaik," jelasnya.

"Saya percaya, tarikh 6 Ogos ini dihayati setiap tahun untuk memberi semangat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan kerana ini merupakan tanda penghargaan kepada mereka yang telah berkecimpung dalam bidang pertanian," katanya

Hikmah di sebalik Covid-19

Penularan wabak virus Covid-19 memberi kesan kepada ekonomi negara. Pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) oleh Perdana Menteri untuk industri pertanian dan makanan mampu memberi nafas baharu kepada pemain industri pertanian.

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia, Azulita Salim berkata, LPP telah menerima jumlah peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) keseluruhan sebanyak RM51.567 juta demi membantu masyarakat peladang,

Sepanjang tempoh PKP LPP telah melaksanakan konsep jualan dan pengedaran di 250 outlet peruncitan terpilih secara berperingkat di seluruh negara.

Katanya, bagi memastikan kelangsungan dan mempercepat pengedaran bekalan makanan MAFI telah mewujudkan Pasar Segar Terkawal (PST) yang dilaksanakan oleh LPP dan FAMA. Sebanyak 42 PST Peladang dilaksanakan oleh LPP.

Sehingga kini PST Peladang ini mendapat perhatian dan tumpuan dalam kalangan penduduk setempat kerana memasarkan barangan basah dan segar seperti ayam, daging, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dan pelbagai produk industri asas tani dengan pematuhan Standard Operating Procedure (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), contohnya pemasaran melalui COD, Drive Thru, Pre-Order, Walk-In.

"Saya percaya kerajaan telah melakukan sebaiknya bagi membantu memasarkan hasil pengeluaran para peladang, penternak dan nelayan.

"Jabatan dan agensi di bawah kementerian ini kini berusaha memastikan supaya tiada lambakan berlaku dan rakyat serta golongan peladang, penternak dan nelayan mendapat manfaat sebaiknya sepanjang tempoh PKP," katanya.



Headline	MODERNISING AGRICULTURE		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	07 Aug 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	12,000
Page No	1	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	347 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,644
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,931



MODERNISING AGRICULTURE: Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee (second from left) visiting a booth displaying hydroponic plants, which uses nutrient film technique system, during the launch of the National Farmers, Livestock Breeders and Fishermen Day celebration in Kuala Lumpur yesterday. Ronald says the National Agro-Food Policy 2.0 will include ramping up the utilisation of modern technology and encouraging automation, as well as mechanisation adoption. SEE P1

Menteri kembalikan kuasa pilih kepimpinan kepada ahli

Kuala Lumpur: Kuasa yang diberikan kepada menteri untuk melantik Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang akan dibatalkan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande, berkata perkara itu akan membabitkan pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2019.

“Peraturan yang diwartakan pada 22 April 2019 dan berkuat kuasa pada 1 Mei 2019 itu memberi kuasa lantikan AJP kepada menteri.

“Namun, bagi memperkasakan lagi peranan pertubuhan peladang, saya berpendapat kuasa memilih kepimpinan hendaklah dikembalikan kepada ahli peladang sendiri,” katanya selepas merasmikan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Khande ber-



Khande (dua dari kanan) melihat tanaman hidroponik pada sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohd Yusni Ariffin/BH)

kata, pindaan berkenaan akan dikuat kuasakan pada proses pemilihan tahun depan.

“Perkara ini (pindaan) sedang iadang seperti peraturan ter-

dahulu,” katanya.

Pada majlis sama, Khande turut menyerahkan peruntukan pakej rangsangan ekonomi (PPE) bernilai RM62 juta kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak).

Sementara itu, beliau yang juga Setiausaha Parti Pribumi Bersatu (BERSATU) Sabah berkata, penentuan bentuk logo bagi pilihan raya negeri akan ditentukan sebaik pemimpin gabungan parti yang berada dalam jentera Perikatan Nasional ber-mesyuarat.

“Aspek itu akan dibincangkan nanti. Kita harap satu persep-tujuan terbaik dapat dicapai bagi membolehkan kita menghadapi tentangan parti lawan dengan penuh bersedia,” katanya.

Lonjak ekonomi Peladang

Setiap Pertubuhan Peladang dapat dana hingga RM200,000 untuk program agromakanan

Oleh NORSHAHZUARA MAT ZUKI dan
HASNIZA HUSIN

KUALA LUMPUR

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyalurkan peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM62 juta kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selain Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) dan Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak).

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, dana khas Pertubuhan Peladang yang telah diluluskan adalah sebanyak RM50 juta.

Menurutnya, ia membolehkan setiap Pertubuhan Peladang menerima antara RM100,000 hingga RM200,000 untuk meneruskan program agromakanan jangka pendek yang dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga hingga enam bulan.

"Sebanyak 224 Pertubuhan Peladang menerima dana khas ini untuk melaksanakan projek jangka pendek, tanaman sayuran/kontan seperti projek tanaman secara fertigasi, konvensional, ternakan ayam kampung, ruminan dan juga ternak air," katanya selepas merasmikan majlis Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan serta Penyerahan Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi Lembaga Pertubuhan Peladang 2020 di Menara LPP di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi LPP, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Dalam pada itu, Ronald berkata, kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi menyediakan kemudahan infrastruktur, tempat penyimpanan dan pengagihan makanan serta program integrasi tanaman, khas buat Pertubuhan Peladang.

"Inisiatif ini bertujuan memastikan rantaian nilai bekalan makanan diperkemas agar lebih efisien. Peruntukan sebanyak RM2 juta juga telah diluluskan kepada Pertubuhan Peladang untuk meningkatkan usia guna jentera-jentera pertanian seperti traktor dan jentuai," katanya.

Beliau berkata, susulan kejatuhan pertumbuhan ekonomi disebabkan oleh coronavirus (Covid-19), kerajaan telah meluluskan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi



Ronald ketika merasmikan majlis Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan serta Penyerahan Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi Lembaga Pertubuhan Peladang 2020 di Menara LPP, Kuala Lumpur.



Ronald meluangkan masa melawat pameran yang diadakan di Menara LPP, Kuala Lumpur semalam.



Ronald (dua dari kanan) bersama tetamu yang hadir pada majlis di Kuala Lumpur semalam.

Prihatin Rakyat (Prihatin) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana).

Inisiatif

Menurutnya, kesemua inisiatif yang diumumkan Perdana Menteri itu adalah bagi membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk peladang, penternak, nelayan serta pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing dengan terus menyumbang kepada industri agromakanan negara.

"Saya berharap inisiatif kerajaan ini disambut baik oleh semua ahli peladang, penternak dan nelayan.

"Kelestarian semua projek yang diluluskan ini amat penting agar pendapatan peladang, penternak dan nelayan dapat ditingkatkan manakala pengeluaran agromakanan mampu diteruskan.

"Impak kepada pakej-pakej rangsangan ekonomi perlu kita capai seper-

timana dirancang agar akhirnya ekonomi negara berjaya kita pulihkan. Ini bertujuan untuk memperkasa pertubuhan peladang dan ahli-ahlinya," katanya.

Ronald juga berharap lebih banyak kejayaan peladang, penternak dan nelayan dicapai agar mampu menarik minat golongan muda untuk turut sama menceburi bidang ini.

"Penglibatan golongan muda juga perlu dipertingkatkan agar sektor pertanian ini akan lebih ke hadapan dan mampu melangkah lebih jauh," katanya.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, teknologi, automasi dan modenisasi sedang dirancang diaplikasikan di ladang-ladang yang diusahakan oleh persatuan peladang dan persatuan penternak di negara ini.

"Kita berharap, sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 1 yang sudah berlalu dan Dasar Agromakanan Negara 2 yang sedang diolah akan

menumpukan kepada kehendak industri dan pertanian dijadikan sektor moden yang menggunakan aplikasi terkini.

"Kita berharap perubahan ini akan memberikan peluang kepada anak muda berkecimpung dalam bidang agromakanan. Bidang pertanian ini selalunya diusahakan oleh mereka yang berumur 50 tahun. Namun, saya yakin dengan penggunaan teknologi moden akan mendorong anak muda berkecimpung dalam bidang ini," katanya.

Ronald berkata, Kementerian sedang mengolah Dasar Agromakanan Negara 2 dengan melihat kelemahan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 1.

"Kita ingin melihat sektor pertanian dan agromakanan seiring dengan perubahan masa dan teknologi yang bersesuaian dengan Revolusi Industri 4.0 yang sedang dirancang diaplikasikan di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Ronald berkata, bagi memperkasakan lagi peranan Pertubuhan Peladang, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2019 berkenaan pemberian kuasa kepada menteri untuk melantik Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang diwartakan pada 22 April 2019 dan berkuat kuasa pada 1 Mei 2019 akan dipinda dan dibatalkan.

"Saya berpendapat bahawa kuasa memilih kepimpinan hendaklah dikembalikan kepada ahli peladang sendiri.

"Pindaan ini akan dikuatkuasakan pada tahun perulihan yang akan datang iaitu pada tahun 2021. Kita mahu mengembalikan kuasa memilih kepimpinan peladang kepada ahli peladang sendiri seperti dahulu," katanya.

FOTO: ASRI/ASWANI/SHUKRI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	KOSMO	NEGARA	6



LEMBU wagyu yang dipamerkan di salah sebuah siri MAHA di Maeps, Serdang beberapa tahun lalu. – GAMBAR HIASAN

MAHA 2020 diteruskan dengan SOP ketat

KUALA LUMPUR – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA 2020) tetap diteruskan secara hibrid iaitu fizikal dan maya pada 26 hingga 29 November 2020.

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pengurusan Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang akan menyediakan garis panduan yang perlu dipatuhi untuk penganjuran pameran itu.

“Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP bersetuju secara dasar dengan cadangan penganjuran MAHA 2020 yang akan diadakan secara fizikal dan maya,”

katanya pada sidang akhbar di bangunan Parlimen di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, antara garis panduan yang perlu dipatuhi termasuk hanya peserta diberi kad jemputan dibenarkan masuk ke MAHA 2020 dan kehadiran mereka perlu direkodkan.

Menurut beliau, peserta antarabangsa pula hanya dibenarkan terlibat dalam pameran pertanian itu secara dalam talian.

“Prosedur operasi standard (SOP) perancangan dan pelaksanaan bagaimanapun akan diperhalusi dan dibincang lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	3

MAHA 2020 diadakan secara hibrid 26 hingga 29 November

Putrajaya: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) 2020 yang dijadualkan pada 26 hingga 29 November ini akan diadakan secara hibrid iaitu fizikal dan maya dalam usaha mengekang penularan pandemik COVID-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP kelmarin bersetuju secara dasar dengan cadangan penganjuran MAHA 2020 yang akan diadakan secara fizikal dan maya.

Beliau berkata, pihak pengurusan Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di Serdang akan menyediakan garis panduan perlu dipatuhi untuk penganjuran pameran pertanian terbesar di Malaysia itu.

Katanya, antara garis panduan perlu dipatuhi adalah hanya peserta diberi kad jemputan dibenarkan masuk ke tapak pameran, manakala kehadiran mereka perlu direkodkan.

"Berikutan sempadan negara masih ditutup, peserta antarabangsa pula hanya dibenarkan terbabit secara dalam talian.

"Prosedur operasi standard (SOP) perancangan dan pelaksanaan akan diperhalusi serta dibincangkan lanjut pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal," katanya pada sidang media, semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, banyak elemen dibentangkan dalam cadangan itu tidak pernah dilakukan pada pameran sebelum ini.

Katanya, antara perkara berbeza termasuk jumlah pengunjung akan dihadkan setakat 70,000 orang sehari berbanding hampir 300,000 orang sehari pada penganjuran sebelum ini.

Beliau berkata, jumlah gerai dalam dewan pameran juga dikurangkan supaya ada penjarakan fizikal antara satu sama lain, selain ada sesetengah pameran seperti pameran ternakan ditiadakan.



Berikutan sempadan negara masih ditutup, peserta antarabangsa pula hanya dibenarkan terbabit secara dalam talian.

*Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan (Keselamatan)*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	RTM	ONLINE	

PKPP | MAHA Dijangka Akan Tetap Berlangsung



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

MAHA 2020 akan diadakan secara hibrid - Ismail Sabri



Penganjuran MAHA 2020 buat pertama kali akan diadakan secara hibrid iaitu fizikal dan maya. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Malaysia Agriculture Horticulture and Agrotourism (MAHA) 2020 akan diadakan pada 26-29 November 2020.

Menurut Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, penganjuran MAHA 2020 itu buat pertama kali akan diadakan secara hibrid iaitu fizikal dan maya.

"Mesyuarat Khas juga bersetuju secara dasar dengan cadangan penganjuran Malaysia Agriculture Horticulture and Agrotourism (MAHA) 2020.

"MAHA 2020 akan diadakan pada 26-29 November 2020 secara hibrid iaitu fizikal dan maya (virtual). Pihak Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) akan menyediakan garis panduan yang perlu dipatuhi bagi tujuan penganjuran MAHA 2020," katanya dalam sidang media elaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada Khamis.

Antara garis panduan baharu yang ditetapkan, hanya peserta yang diberi kad jemputan sahaja dibenarkan, kehadiran setiap peserta akan direkodkan, peserta antarabangsa pula dibenarkan terlibat secara atas talian.

Bagaimanapun jelas Ismail, prosedur operasi standard (SOP) perancangan dan pelaksanaan akan diperhalusi dan dibincangkan lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Penganjuran MAHA 2020 secara hybrid



PUTRAJAYA: Penularan COVID-19 di negara ini turut mengubah cara penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA 2020) apabila ia dijangka diadakan secara hybrid antara 26 hingga 29 November ini.

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP semalam, bersetuju secara dasar dengan cadangan penganjuran MAHA 2020 yang akan diadakan secara fizikal dan maya (virtual).

Beliau berkata, pihak pengurusan Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang akan menyediakan garis panduan yang perlu

dipatuhi untuk penganjuran pameran pertanian terbesar di negara ini.

Katanya, antara garis panduan yang perlu dipatuhi termasuk hanya peserta yang diberi kad jemputan saja yang dibenarkan masuk ke tapak pameran manakala kehadiran mereka perlu direkodkan.

Peserta-peserta antarabangsa pula hanya dibenarkan terbabit secara dalam talian.

"Prosedur operasi standard (SOP) perancangan dan pelaksanaan akan diperhalusi dan dibincangkan lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal," katanya pada sidang media, hari ini.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, banyak elemen yang dibentangkan dalam cadangan itu tidak pernah dilakukan pada pameran sebelum ini.

Katanya, antara perkara yang berlainan termasuk jumlah pengunjung akan dihadkan setakat 70,000 sehari berbanding hampir 300,000 sehari pada penganjuran sebelum ini.

Beliau berkata, jumlah gerai dalam dewan pameran juga dikurangkan supaya ada penjarakan antara satu sama lain selain ada sesetengah pameran seperti pameran ternakan ditiadakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

Penganjuran MAHA 2020 dibenarkan



KERAJAAN bersetuju untuk meneruskan penganjuran Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2020 di Taman Pameran Pertanian Malaysia, Serdang (MAEPS) pada November ini.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Mesyuarat Khas juga bersetuju secara dasar dengan cadangan penganjuran MAHA 2020.

Menurutnya, MAHA 2020 akan diadakan pada 26 hingga 29 November 2020 secara hybrid iaitu fizikal dan maya (virtual).

"Pihak MAEPS akan menyediakan garis panduan yang perlu dipatuhi bagi tujuan penganjuran itu.

"Antara garis panduan yang perlu dipatuhi termasuk hanya peserta yang diberi kad jemputan sahaja dibenarkan masuk dan kehadiran perlu direkodkan," katanya ketika sidang media Covid-19 di Kuala Lumpur hari ini.

Ismail Sabri berkata, peserta antarabangsa pula hanya dibenarkan terbabit secara dalam talian (online).

"Prosedur operasi standard (SOP) perancangan dan pelaksanaan akan diperhalusi serta dibincangkan lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal," katanya.



MAHA 2020 akan diadakan pada 26 hingga 29 November 2020 secara hybrid iaitu fizikal dan maya (virtual). FOTO Arkib NSTP

Beliau berkata, kerajaan juga akan melaksanakan kempen Pembudayaan Norma Baharu yang akan dirasmikan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 8 Ogos ini di Kompleks Sukan Pagoh.

"Pada masa yang sama, Perdana Menteri akan melancarkan logo dan tagline kempen serta buku pembudayaan norma baharu yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	BERNAMA	ONLINE	

MAHA 2020 diadakan secara fizikal & maya



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	KOSMO	NEGARA	17

Daging kerbau RM436,000 dirampas

SEBERANG PERAI – Kira-kira 28 tan daging kerbau sejuk beku bernilai hampir RM436,000 dirampas dalam pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), Butterworth di sini pada Selasa lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, rampasan dilakukan ke atas sebuah kontena berisi daging tersebut pada pukul 4.20 petang.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, maklumat pada dokumen yang diisytiharkan pada pembungkusan adalah tidak sama dengan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dari segi nama dan

alamat rumah penyembelihan.

"Justeru kita merampas kesemua daging kerbau sejuk beku dari India dengan anggaran berat 27,996 kilogram yang bernilai RM435,927.04 untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana memberi maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan, keluaran pertanian.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali.



SEBUAH kontena berisi daging kerbau sejuk beku di dalam kotak dirampas Maqis di NBCT, Butterworth baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI PERAK/ SELANGOR/ KL/P.PINANG	28

Maqis Pulau Pinang rampas daging kerbau dari India

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menyita daging kerbau sejuk beku dari India dianggarkan seberat 27,996 kilogram (kg) yang bernilai RM435,927.04.

Produk berkenaan disita di Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT) Selasa lalu berikutan dokumen yang diisytiharkan pada pembungkusan tidak sama seperti yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Za-

rina Ramli berkata, kontena yang mengandungi daging terbabit ditahan di tapak pemeriksaan kontena Penang Port, NBCT kira-kira jam 4.22 petang. “Kesemua dagangan itu disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan, Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728],” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Zarina berkata, jika disabitkan kesalahan pihak bertanggungjawab boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	SINAR HARIAN	PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT	8

Stok beras negara mencukupi

KUALA LUMPUR - Kedu-
dukan stok beras di semua
peringkat di Malaysia berada
pada tahap konsisten sepanjang
tempoh pandemik koronavirus
(Covid-19) ketika ini.

Timbalan Menteri Pertanian
dan Industri Makanan, Datuk
Seri Ahmad Hamzah berkata,
ia dibuktikan apabila purata
stok sumber makanan utama
itu adalah antara 400,000 dan
500,000 tan metrik setiap
bulan berbanding keperluan
bulanan negara sekitar 200,000
tan metrik.

“Wabak pandemik Covid-19
adalah suatu pengajaran terbaik
supaya kita buat persediaan
terawal menghadapi apa-apa
kemungkinan.

“Kita bersyukur kerana semasa
wabak tersebut berlaku bekalan
makanan negara berada di tahap
yang stabil dan terkawal,”
katanya di Dewan Rakyat di
sini semalam.

Beliau menjawab perta-

nyaan lisan Datuk Seri Mahdzir
Khalid (BN-Padang Terap) yang
bertanyakan mekanisme dan
langkah konstruktif yang dirangka
bagi meningkatkan sekuriti
makanan negara agar sentiasa
berseedia menghadapi krisis.

Ahmad berkata, antara langkah
konstruktif yang dirangka
kementeriannya bagi meningkatkan
sekuriti makanan dalam negara
adalah dengan merencanakan
aktiviti pengeluaran makanan dan
meningkatkan keberkesanan
pengeluaran dengan menambah
baik infrastruktur.

Selain itu, turut dilakukan
adalah meningkatkan kecekapan
rantai bekalan dan logistik,
memperluas akses pasaran,
melahirkan tenaga kerja
kompeten dan berdayasaing
serta meremajakan sektor
pertanian dengan menggalakkan
penyertaan golongan muda.



BEKALAN beras negara mempunyai purata stok sehingga 500,000 tan setiap bulan. - GAMBAR HIASAN

Stok beras negara mencukupi

Dewan Rakyat

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan stok beras negara mencukupi dalam menghadapi pandemik Covid-19. Timbalan Menteri, Datuk

Seri Ahmad Hamzah berkata, purata stok beras negara ketika ini antara 400,000 hingga 500,000 tan setiap bulan.

"Keperluan bulanan sebanyak 200,000 tan. Kita bersyukur tahap bekalan makanan negara stabil dan terkawal.

"Kedudukan stok beras di kilang, pemborong dan peruncit di seluruh negara masih konsisten," katanya pada sidang Dewan

Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Mahdzir Khalid (BN-Padang Terap) mengenai mekanisme untuk meningkatkan keselamatan makanan negara semasa berdepan krisis.

Ahmad seterusnya menegaskan, bekalan daging, ayam, telur ayam dan susu segar turut mencukupi untuk keperluan negara.

Dalam pada itu, beliau me-

maklumkan, kerajaan telah menukarkan jawatankuasa Kabinet mengenai keselamatan makanan negara pada 25 Mac lalu.

Katanya, jawatankuasa itu antara lain membincangkan tentang kesediaan, rangkaian dan keselamatan bekalan makanan dalam negara.

Jelas Ahmad, pihaknya sentiasa memeriksa kawasan jelapang padi agar dalam keadaan terbaik.

Ideas: Liberalise rice sector if Bernas concession extended

➤ Concrete plan should include increasing capacity of smallholders and ease of entry into the industry, say experts

PETALING JAYA: The Institute for Democracy and Economic Affairs (Ideas) has urged the government to have a concrete plan to liberalise the padi and rice industry if it is to extend Padiberas Nasional Bhd's (Bernas) concession.

On Tuesday, the Ministry of Agriculture and Food Industry indicated that Bernas will continue to remain as the single gatekeeper for rice imports. Although Bernas has fulfilled its social obligations, the monopoly has created unintended negative consequences and missed opportunities for the padi and rice industry.

Commenting on the issue, the co-authors of Ideas report "Effectiveness of State Trading Enterprises in Achieving Food Security: Case Studies from Bernas in Malaysia and Bulog in Indonesia", Prof Datin Paduka Fatimah Mohamed Arshad and Dr Tey Yeong Sheng, said the unwillingness of the government to restructure the local rice industry is

understandable; continuing the status quo is a much a simpler decision than uprooting a 50-year-old system, despite the calls from the previous government and industry players at large to liberalise the sector.

It has other advantages too, such as minimal disruption and hence the stability of the rice system and no hassle of restructuring activities, which can be a formidable and risky task.

"However, this decision has a number of important implications. The problems that plague the industry will continue to exist, if not be magnified. Such a non-competitive structure is inequitable, which leaves the small producers the losers in the supply chain and dependent on subsidies to exist. This explains the slow growth of the industry as well as the low investment of new capital and new entrants of young farmers into the industry as the prospect is unpromising," Fatimah and Tey said in a statement.

They added that the market inefficiencies

such as low quality of padi and milling rate, limited technological progress, unethical marketing practices such as adulteration of rice, limited value-added activities, and minimal SME development will continue if the issues in the market structure are not addressed.

If the government imposed additional social obligations on Bernas, it would incur a higher cost to Bernas which later may be transferred to producers or consumers either through lower price to producers or higher price to consumers.

"Stakeholders of the Malaysian paddy (padi) and rice industry should recognise that value chain development is the backbone of agricultural transformation. This is not just a matter of food security; it also concerns farmer and consumer welfare as well as improvement in the environmental and business ecosystems. If Bernas is conceived as a change agent, Bernas would have to take the lead in installing a competitive market, through empowering local entrepreneurs to seize opportunities and be part of nation building. The government will also need to play the facilitation role, including periodic monitoring and evaluation," said Tey.

"Looking forward, since the decision has been made there is now an urgent need to provide programmes that enhance the capacity of the smallholders by allowing them to participate in milling activities and input distribution as well as crop diversification. Cooperatives among farmers should be strengthened to improve their prospect of mobility in their business activities. Other public goods such as R&D has to be intensified to improve variety, cropping intensity, water management, small machines for small farms, sustainable practices, precision farming and so on," Fatimah said.

Ideas CEO Tricia Yeoh said a concrete plan to liberalise the market, which includes increasing the capacity of smallholders and ease of entry into the industry, is required if the concession is extended.

"The timeframe of the extension should be reviewed as there are many missed opportunities and unintended negative consequences that come with the monopoly. In the long run, creating more competition would generate more innovation in the paddy and rice industry, which would enhance our national food security and ensure that our domestic rice production can compete at the global level."



Non-competitive market structure leaves small producers as losers in the supply chain and dependent on subsidies to exist. - **BERNAMAPIX**

Headline	Govt's decision on Bernas' extension considers impacts on Malaysia's food chain		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	07 Aug 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	12,000
Page No	5	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	445 cm ²
Journalist	SHAHEERA AZNAM SHAH	AdValue	RM 4,688
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,064



Govt's decision on Bernas' extension considers impacts on Malaysia's food chain

The concession will ensure all aspects across the supply chain will be in good hands, including improving on the SSL for paddy

by SHAHEERA AZNAM SHAH

THE government's decision to retain Padiberas Nasional Bhd (Bernas) as the sole concessionaire in managing Malaysia's rice supply considers the risk to the food chain, should the concession be passed on to an unfitted entity.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said extending Bernas' concession will ensure that all aspects across the supply chain will be in good hands which will improve the country's self-sufficiency level (SSL) for paddy.

"The decision was made according to all aspects of paddy farming, including the livelihood of Malaysian farmers, our current level of the stockpile, the SSL and the industry as a whole.



The RM62m allocation will benefit about 65,000 paddy farmers in the country

"Thus, maintaining the single gatekeeper mechanism (SGM) and Bernas is the best way to proceed," he said at the National Farmers, Livestock Breeders and Fishermen Day celebration in Kuala Lumpur yesterday.

In a response to a question during a Parliament session on Tuesday, Ronald said Bernas' concession as the single gatekeeper for

rice imports will be extended for an undecided duration.

He said in the reply that the government is currently finalising the terms and conditions of the extension agreement, adding that Bernas will have to fulfil more social obligations in addition to the terms stated in the previous contract.

Bernas — through the SGM — was appointed as the guardian of

the country's rice management to prevent a food crisis and be the buffer in the event of it.

The local rice industry has been solely managed through the SGM for the past four decades to prevent excessive profiteering and ensure constant supplies.

The government extended Bernas' concession in 2011 to manage the country's rice supply for 10 years. The current concession will end in January next year.

Separately, Ronald said the National Agro-Food Policy (NAFP) 2.0, which is currently being fine-tuned by the ministry, will include ramping up the utilisation of modern technology and encouraging automation, as well as mechanisation adoption.

"As the continuation of the current policy, NAFP 2.0 will be focusing on transforming the agricultural sector into a modern industry that uses advanced technologies with the application of mechanisation and automation.

"Through our agencies, the government has been working with banks to monitor and facili-

tate loans regarding these implementations, so that our industry does not get held back by financing," he said.

Ronald added that the utilisation of advanced technology could increase youth participation in the country's rice farming activities.

In easing the impact of the pandemic, the government has allocated some funds for the agricultural industry through the economic stimulus package, the Prihatin Rakyat economic stimulus package and the National Economic Recovery Plan.

Under Prihatin, RM190 million has been provisioned for the Ministry of Agriculture and Food Industries to be channelled to its agencies, including the Farmers' Organisation Authority (FOA), which has received a total of RM62 million.

FOA said the allocation will be utilised for the upgrading of the machinery under the authorities which will allow the machines' lifespan to expand by three to five years and benefit about 65,000 paddy farmers in the country.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Stok beras negara melebihi keperluan bulanan



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan kedudukan stok beras negara mencukupi, terkawal dan konsisten sepanjang tempoh negara berdepan ancaman COVID-19.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata purata stok beras negara ketika ini adalah antara 400,000 hingga 500,000 tan setiap bulan, berbanding keperluan bulanan sebanyak 200,000 tan.

"Kita bersyukur tahap bekalan makanan negara stabil dan terkawal. Kedudukan stok beras di kilang, pemborong dan peruncit di seluruh negara ketika ini masih konsisten.

"Bekalan daging, ayam, telur ayam dan susu segar kebanyakannya dihasilkan secara tempatan dan import adalah mencukupi," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Mahdzir Khalid (BN-Padang Terap) yang meminta kerajaan menyatakan mekanisme dan langkah konstruktif bagi meningkatkan sekuriti makanan negara dalam menghadapi kejutan krisis.

Menjawab soalan tambahan Mahdzir mengenai perancangan jangka pendek dan panjang untuk memperkukuhkan bekalan makanan negara, Ahmad berkata, pelbagai usaha dilakukan kerajaan berhubung perkara itu.

"Pelbagai inisiatif termasuk kolaborasi antara agensi sudah dan sedang dilaksanakan. Selain simpanan melalui pemborong dan pembekal, kita ada stok kekal beras lebih 150,000 tan yang disimpan di beberapa lokasi mengikut zon masing-masing.

"Kementerian juga sentiasa memeriksa jelapang padi dan kawasan bukan jelapang padi supaya sentiasa dalam keadaan terbaik," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Salahuddin Ayub (AMANAH-Pulai) mengenai kesediaan kerajaan mempertingkatkan stok kekal beras negara, Ahmad berkata, kerajaan menyasarkan peningkatan tahap sara diri (SSL) padi kepada 75 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Tahun lalu, SSL padi adalah 69 peratus dan kita menjangkakan tahun ini, SSL akan sampai ke tahap 72 peratus," katanya.

Pasangan guru ceburi pertanian fertigasi

GUA MUSANG: Sepasang suami isteri yang bertugas sebagai guru di sekolah rendah di sini menceburi bidang pertanian fertigasi bagi menambah sumber pendapatan mereka sejak setahun lalu.

Guru Sekolah Kebangsaan (SK) Lapan Jaya, Mohd. Jailani Mat Jusoh, 46, bersama isterinya, Norzaliza Muktar, 46, yang bertugas di SK Sri Wangi 2, belajar kaedah pertanian tersebut menerusi pembacaan buku dan melihat video di Youtube.

Mereka berjaya mengusahakan tujuh jenis sayur-sayuran antaranya timun batang, lada solok, lada burung dan labu air di atas sebidang tanah seluas 0.8 hektar di Kampung Lapan

Jaya, di sini.

Mohd. Jailani berkata, mereka bukan sahaja mendapat pulangan hasil lumayan tetapi juga memberi peluang pekerjaan kepada belia kampung menjana pendapatan sambil belajar teknik pertanian.

Katanya, selepas habis waktu persekolahan, mereka akan meluangkan masa di kebun bersama lapan pekerja untuk membantu menyemai benih sehingga mengutip hasil tanaman.

“Walaupun tidak mempunyai kemahiran profesional dalam bidang pertanian fertigasi, saya buat kajian melalui pembacaan buku, carian di internet serta meminta nasihat kenalan rapat dan Jabatan Pertanian,” katanya.



MOHD. Jailani Mat Jusoh (kanan) dan Norzaliza Muktar (tiga dari kanan) bersama pekerjanya mengumpul timun batang untuk dipasarkan di kebun mereka di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

PENANG

Fund for study on box jellyfish bloom

State approves RM32,000 grant for research on potentially deadly creature

By ARNOLD LOH
arnoldlo@thestar.com.my

THE second phase of a study on what is causing the jellyfish population to bloom in the sea around Penang has been launched.

Unlike the first phase in previous years, scientists will try to determine if the growing numbers of this dangerous pest are linked to chlorophyll spikes and planktonic life at sea or climate change.

Centre for Marine and Coastal Studies (Cemacs) director Professor Datuk Dr. Aileen Tan thanked the state government for approving an outright grant of RM32,031.25.

She said the research would focus on the coastal areas in Teluk Bahang, Batu Perring, Tanjung Bungah, Tanjung Tokong, George Town (off Eastern and Oriental Hotel), Balik Pulau and In Pantai Bersih on the mainland.

"We will study the ecological processes that trigger jellyfish blooms and determine the monthly distribution.

"When we know the peak seasons, we will have a prediction model to forecast blooms and set up an early warning system and preventive management steps," she said.

The research will be conducted by Prof Tan and Cemacs senior science officer Sim Yee Kwang.

Prof Tan said the majority of the funds would be spent on the laborious process of towing a special net in the focus zones at a speed of 2.5 knots (4.6km/h) to capture live samples and purchase of 25 laboratory chemicals by the bottles needed for analytical studies.

"We will capture jellyfish twice a month, during the peak spring and neap tide days," she added.

In a previous 25-month state-sponsored study between 2017 and 2019, Prof Tan said no significant blooms were found in the focus zones.

What was disturbing, however, was that Balik Pulau fishermen had recently sent live samples of potentially deadly box jellyfish, even juvenile ones, to Cemacs, prompting the centre to add Balik Pulau into the focus zone for the second phase of the study.

In mid-July, *The Star* reported that box jellyfish were found breeding in the mangrove swamps of Balik Pulau after fisherman Wan Mohizan Wan Hussein sent 18 live box jellyfish, some of them only 2.5cm in diameter, to Cemacs. All the jellyfish were caught in his prawn net.



Cemacs research assistants using a fine net to catch box jellyfish in Pantai Bersih, Butterworth.

Prof Tan said after the research, Cemacs would publish a field guide to help the public, especially tourists, beach hotels and water sports operators, to recognise species, get to know the peak seasons and correctly deal with jellyfish stings.

The centre will also hold a public talk, she said, to explain the research results to concerned parties.

Prof Tan said scientists from Thailand, Indonesia, Vietnam, China, the Philippines and Japan would work with Cemacs to analyse all the data gathered.

There will also be a medical team, and she urged anyone stung by jellyfish in Penang to contact Cemacs and provide data on their experience.

Jellyfish sting victims in Penang can contact Cemacs by email (aileen.usm.my or msimyk@usm.my).

State environment committee chairman Phee Boon Poh said the state was alarmed when scientists found juvenile box jellyfish in Penang's waters.



Several live Morbakka box jellyfish that were caught in Wan Mohizan's prawn net

An adult box jellyfish retrieved from Wan Mohizan's net off Balik Pulau.

"We are concerned for sea recreational activities and inshore fishermen at work. These are invasive alien species and are not natives to our waters. We believe they drifted in from the north.

"We will work closely with Cemacs to tackle the matter," he said.

In *The Star* report on July 19, Prof Tan said they were still waiting for the state government's response on their research proposal for the RM30,000 study.

Phee had said he would raise the scientists' funding request at the state exco meeting.

Pertahan laut selagi mampu

Oleh **MOHD. KHUZAIRI ISMAIL**
khuzairi.ismail@medianulla.com.my

GEORGETOWN: Semuanya sudah hampir pasti, kawasan laut yang menjadi satu-satunya sumber rezeki mereka selama ini akan lenyap akibat ditambak.

Namun, selagi ada daya dan kudrat, lebih 5,000 nelayan di negeri ini tidak sesekali berputus asa mempertahankan kawasan laut yang sudah menjadi rumah kedua mereka sejak berpuluh-puluh tahun.

Bagi nelayan di Gertak Sanggul di sini, Saidin Othman, 40-an, dia resah memikirkan nasib dan masa depannya jika projek menambak laut di perairan selatan (PSR) negeri ini bagi membentuk tiga buah pulau buatan diteruskan.

Katanya, selepas hampir 30 tahun menjadi nelayan, dia tidak pasti jika boleh meneruskan kehidupan dengan melakukan pekerjaan lain



GAMBARAN projek tambak laut di Permatang Damar Laut, Pulau Pinang yang membentuk tiga pulau buatan.

atau dengan mudah diterima mana-mana majikan sedangkan mempunyai keluarga yang perlu disara.

"Lebih dikesalkan, soal kebajikan para nelayan terlibat khususnya di Permatang Damar Laut yang paling teruk terjejas seolah-olah langsung tidak dipedulikan pihak berwajib.

"Nelayan di sini tidak tahu bagaimana nasib apabila projek PSR dimulakan," katanya di sini. Saidin berkata, nelayan di

Permatang Damar Laut ketika ini sudah sedia terhimpit ekoran hasil tangkapan yang berkurangan dipercayai kerana kesan penambakan yang giat dijalankan di beberapa kawasan lain di negeri ini.

Katanya, dia sendiri pada kebanyakan masa hanya mampu membawa pulang sekilogram hasil tangkapan dengan nilai antara RM80 hingga RM100 meskipun seharian berada di laut menangkap ikan.

"Saya yakin hasil tangkapan kami lebih teruk terjejas sebab sahaja projek tambak laut PSR itu bermula. Sebab itu selagi termampu kami akan pertahankan kawasan laut kami ini," katanya.

Sementara itu, seorang lagi nelayan, Zabry Yusof, 64, melahirkan rasa kesal kerana pihak berkuasa khususnya kerajaan negeri seolah-olah tutup mata terhadap kebajikan dan masa depan nelayan di negeri ini.

Katanya, projek tambakan laut di kawasan perairan selatan itu secara jelas akan menutup mata pencarian lebih 6,000 nelayan bukan hanya di negeri ini, malah di negeri-negeri utara lain yang menjadikan kawasan laut tersebut sebagai sumber rezeki.

"Kawasan yang mahu ditambak ini adalah lubuk hasil laut seperti pelbagai jenis ikan, udang dan ketam. Sumber rezeki kami ini akan musnah jika projek ini diteruskan," katanya.



SEBAHAGIAN nelayan Permatang Damar Laut, Pulau Pinang mengadakan bantahan di Teluk Kumbar bagi menolak projek tambak laut di kawasan pencarian rezeki mereka.

INFO

ASAS BANTAHAN

- » Kehidupan **4,817** nelayan pantai dipertaruhkan.
- » Projek penambakan di pantai utara menunjukkan nelayan tidak dilindungi dengan baik.
- » Dikhawatiri memusnahkan kawasan kaya sumber perikanan di Pulau Pinang.
- » Dasar laut dikorek dan musnah.
- » Seperti projek tambak pantai utara, nelayan di Pulau Pinang dan **6,080** nelayan di Perak akan menjala lumpur dan batu-batan serta mengalami kerosakan pukat ikan.
- » Pantai selatan Pulau Pinang dibimbangi musnah.
- » Habitat pantai dan hidupan bawah air (SDG 14) akan musnah. Tempat membiak Penyu Lipas dan taman permainan ikan lumba-lumba Indo-Pacific Humpback Dolphin serta Indo-Pacific Finless Porpoise terugut.
- » Pengelodakan mungkin sampai ke Pulau Kendi yang kaya dengan karang laut.
- » Alasan tambahan bagi tebus guna tanah meragukan. Cadangan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah luput, digantikan rancangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim.
- » Projek berisiko ini mungkin menyebabkan kewangan negeri dalam bahaya.
- » Dengan hasil tahunan sekitar **RM1 bilion**, kerajaan negeri sedang cuba mendapatkan pinjaman **RM1 bilion** untuk menjalankan tebus guna yang bernilai **RM16 bilion**.

NGO, nelayan menuntut komitmen batal PSR

GEORGETOWN: Kumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti nelayan menuntut komitmen Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man membatalkan projek tambak laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR).

Aktivis Penang Tolak Tambak, Zikrullah Ismail berkata, pelantikan Tuan Ibrahim menghidupkan harapan kepada kumpulan NGO dan nelayan memandang-

kan beliau antara pemimpin Pas yang cukup lantang menentang projek PSR sebelum menyertai Kerajaan Pusat.

Tambah beliau, dengan portfolio yang tepat dan menyentuh secara langsung mengenai kesan kemusnahan alam sekitar khususnya hidupan marin akibat projek PSR, Tuan Ibrahim mempunyai kuasa untuk menasihati pihak-pihak berwajib supaya membatalkan projek berkenaan.

"Meskipun kuasa penuh berkaitan tanah dan persisiran pantai adalah di bawah bidang kerajaan negeri, pihak berkuasa kerajaan negeri tetap tertakluk kepada beberapa pematuhan di peringkat Kerajaan Persekutuan berkaitan Kementerian tertentu termasuk Kementerian Alam Sekitar dan Air," katanya di sini.

Pada sidang Dewan Rakyat Julai tahun lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas

Tani ketika itu mengakui projek PSR akan menjejaskan seramai 4,996 nelayan dengan anggaran pendaratan 51,184 tan metrik dengan nilai RM555 juta setahun.

Selain itu, projek yang dirancang bagi membiayai Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang itu juga akan menjejaskan seramai 511 penternak akuakultur dengan anggaran pengeluaran 45,742 tan metrik dengan nilai RM1.67 bilion setahun.



ZIKRULLAH ISMAIL

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Langkah bendung gelombang baharu COVID-19, tumpuan Dewan Rakyat hari ini



KUALA LUMPUR: Persidangan Dewan Rakyat yang memasuki hari ke-15 hari ini dijangka tertumpu kepada perkara berkaitan langkah kerajaan untuk mencegah berlakunya gelombang baharu COVID-19 di Kedah dan Sarawak.

Menurut Aturan Urusan Mesyuarat dalam laman rasmi Parlimen, isu berkenaan diajukan Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching) kepada Menteri Kesihatan semasa sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan hari ini.

Yii juga ingin tahu mengenai status kes wabak COVID-19 termasuk jumlah ujian saringan yang telah dijalankan di kedua-dua negeri berkenaan.

Datuk Seri Mahdzir Khalid (BN-Padang Terap) pula dijadual bertanyakan Menteri Pertanian dan Industri Makanan mengenai mekanisme dan langkah konstruktif yang dirangka kerajaan bagi meningkatkan sekuriti makanan dalam negara terutamanya ketika menghadapi krisis seperti bencana wabak.

Seterusnya, sidang Dewan Rakyat akan menyambung penggulungan perbahasan menjunjung kasih titah Yang di-Pertuan Agong yang dijangka melibatkan enam kementerian antaranya Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan.

Persidangan Dewan Rakyat kali ini berlangsung selama 25 hari sehingga 27 Ogos berpandukan kebiasaan baharu dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengekang penularan COVID-19. – BERNAMA